

Bengkel Penjanaaan Jadual Waktu Kuliah Sesi Mac-Ogos 2022


Normaziah Abdul Rahman, Haslinda Noradzan

Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Kampus Seremban

Bengkel Penjanaaan Jadual Waktu Kuliah bagi semua pensyarah dan pelajar di UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban dijalankan pada setiap semester sebelum sesi pengkuliah bermula. Bengkel ini diadakan selama seminggu dengan objektif utamanya untuk membolehkan jadual waktu kuliah dapat dijana, seterusnya melancarkan proses pendaftaran kursus pelajar dan kelangsungan sesi akademik bagi semester akan datang.

Penjanaaan jadual waktu kuliah ini melibatkan ketiga-tiga fakulti di UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) Kampus Seremban iaitu Fakulti Sains Komputer Dan Matematik (FSKM), Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) dan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP). Jadual waktu kuliah yang dijana ini melibatkan semua pelajar dari 5 program diploma dan 10 program ijazah sarjana muda yang ditawarkan. Ia turut melibatkan penjanaaan jadual waktu kuliah bagi pensyarah bagi setiap fakulti dan jabatan termasuk kod kursus yang ditawarkan oleh fakulti lain seperti Akademi Pengajian Bahasa, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Fakulti Perakaunan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Undang-undang dan juga Unit Ko-kurikulum yang berada di bawah seliaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP). Proses penjanaaan jadual waktu kuliah dibuat dengan kerjasama daripada ahli jawatankuasa yang dilantik mewakili setiap fakulti, jabatan dan unit. Ia bertujuan memastikan agar jadual waktu kuliah yang dijana adalah memenuhi keperluan kod-kod kursus terlibat dan bersesuaian dengan keperluan dan kekangan pensyarah di fakulti atau jabatan masing-masing.

Bermula pada semester Mac 2022, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) UiTM telah memperkenalkan penggunaan sistem baharu yang membolehkan penjanaaan jadual waktu kuliah dibuat melalui platform dalam talian menggunakan teknologi web, iCRESS Web 2.1. Penggunaan sistem yang terkini adalah bagi membolehkan integrasi data jadual waktu kuliah dapat diselaraskan dengan sistem-sistem lain di UiTM dan boleh diakses secara web menggunakan pelayar dari pelbagai komputer dan peranti. Satu taklimat pengenalan dan tatacara penggunaan sistem terbaharu ini telah dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) pada 3 Mac 2022 melibatkan semua ahli jawatankuasa dari ketiga-tiga kampus di UiTMCNS.



Rajah 1 Tangkapan skrin sesi taklimat pengenalan kepada Sistem iCRESS Web 2.1


Seterusnya, Bengkel Penjanaan Jadual Waktu Kuliah bagi Kampus Seremban telah dijalankan secara dalam talian pada 7 hingga 11 Mac 2022 dan turut mengguna pakai aplikasi “Whatsapp” sebagai medium komunikasi di antara ahli jawatankuasa terlibat. Rajah 2 menunjukkan perincian dan aliran penjanaan sepanjang lima hari bengkel.




Rajah 2 Aliran Penjanaan Jadual Waktu Kuliah

Penjanaan dimulakan dengan membenarkan ahli jawatankuasa menggunakan sistem terdahulu iaitu sistem iCRESS yang dibangunkan dengan perisian Visual Basic. Sistem ini hanya boleh diakses dengan capaian intranet dari dalam kampus sahaja. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan semua ahli jawatankuasa kerana ahli jawatankuasa berpengalaman menggunakan sistem ini pada semester-semester sebelumnya dan mengelakkan sebarang pertindihan slot berlaku. Setelah jadual berjaya dijana, ahli jawatankuasa bertanggungjawab memindahkan semua slot ke dalam sistem iCRESS Web 2.1. Ini adalah bagi membolehkan ahli jawatankuasa menjana jadual waktu lebih pantas dan tepat serta dalam masa yang sama boleh memahami prosedur dan aliran penjanaan menggunakan sistem yang baharu.

Setelah berakhirnya bengkel, satu borang maklumbalas telah diedarkan secara atas talian untuk menganalisis keberkesanan program dan mendapatkan cadangan dari ahli jawatankuasa untuk penambahbaikan pada masa akan datang. Rajah 3 dan 4 adalah hasil analisis bagi maklumbalas program.



Rajah 3 Maklumbalas terhadap keberkesanan bengkel



Rajah 4 Maklumbalas terhadap penganjuran bengkel

Maklumbalas ahli jawatankuasa juga direkodkan bagi mendapatkan komen dan cadangan penambahbaikan bagi penganjuran program pada masa akan datang. Antara cadangan yang diberikan adalah beberapa ciri-ciri di sistem iCRESS Web 2.1 yang perlu dikemaskini bagi membolehkan penjaduan jadual waktu kuliah dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan tidak memberi sebarang kekangan serta memenuhi keperluan kod kursus, pelajar dan pensyarah.